

120  
NO. SOALAN : 449

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG**  
**KETIGA BELAS, PENGGAL KEENAM, MESYUARAT PERTAMA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH**  
**[ SUBANG ]**

**TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyenaraikan semua syarikat di mana Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) memegang saham, bilangan dan peratus pegangan saham dalam syarikat berkenaan, serta bilangan wakil dalam lembaga pengarah syarikat terbabit dan sifat serta aktiviti utama syarikat.

**JAWAPAN: YB DATUK SERI RAZALI BIN IBRAHIM,**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat di mana FELDA memegang saham terbahagi kepada tiga (3) iaitu Syarikat Subsidiari (12 syarikat dengan pegangan saham antara 80% – 100%), Syarikat Bersekutu (3 syarikat dengan pegangan saham antara 21% - 40%) dan Syarikat Usaha sama (2 syarikat dengan pegangan saham antara 49% - 50%). Bilangan wakil FELDA dalam lembaga pengarah semua syarikat berkenaan adalah dua (2) hingga empat (4) orang. Aktiviti utama adalah merangkumi pegangan pelaburan, perladangan, pengendali hotel, agen pengurusan ladang, pengendali restoran dan pengeluar produk makanan, khidmat katering serta pemasaran.

Sekian. Terima kasih.